



BULETIN

MPKL

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGKAT

EDARAN PERCUMA

EDISI 2 / 2021



DIAMOND RECOGNITION

Zon: Zon A Kawasan Perindustrian Teluk Panglima Garu



**MAJLIS ANUGERAH BANDAR
RENDAH KARBON 2020**

Berita lanjut di muka surat 3



www.mpkl.gov.my

Isi Kandungan Muka Surat

- Isi Kandungan / Sidang Redaksi	2
- Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020	3
- Penyerahan Bantuan Bakul Makanan Kepada Pemandu Taksi Dan Bas	4
- Majlis Perasmian Naik Taraf Bangunan Pasar Awam Banting	5
- Lawatan Rasmi YBM Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin Ke MPKL	6
- Kebakaran Gerai Pantai Morib	7
- Jelajah Ramadhan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	8-9
- Operasi Tindakan Kenderaan Berat Dalam Taman	10
- Operasi Bersama Jabatan Dalaman	
- Kerja-Kerja Sanitasi MPKL Di Unit Pelan Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat	11
- Operasi Sanitasi Jabatan Bomba Dan Penyelamat	
- Operasi Sanitasi Awam Di Sekolah Menengah Sains Banting	12
- Operasi Menyita Bunting Haram	13
- Operasi Pematuhan SOP	
- Pelaksanaan Program MPP	14-15
- Penutup	16


AMALKAN SOP COVID-19 DEMI KESEJAHTERAAN BERSAMA



MEMAKAI PELITUP MUKA



IMBAS KOD QR



PENJARAKAN FIZIKAL 1 METER



PERIKSA SUHU BADAN



PENGGUNAAN HAND SANITIZER

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD. RAHIM, *D.I.M.P*
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

PENASIHAT

TUAN MOHD AZRUL BIN HASHIM
TIMBALAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

KETUA PENGARANG

ENCIK HISHAMUDDIN BIN ISMAIL, *P.P.T*

PENGARANG

PUAN NURFADHILAH BINTI JALALUDIN

PENOLONG PENGARANG

ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI
ENCIK KHAIRUL ASWADI BIN ABDUL RAZAK

JURUFOTO

ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI
YM RAJA MOHD HAFIZ BIN RAJA BULAT
ENCIK AHMAD AZAMUDDIN BIN MD ARIS



DIAMON
RECOGNITION

BULETIN MPKL
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

3

Kategori Zon: Zon A Kawasan Perindustrian Teluk Panglima Garang



Majlis Anugerah
Bandar Rendah Karbon 2020

MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2020

Pada 6 April 2021, Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon Tahun 2020 telah diadakan di Hotel Marriott, Putrajaya yang dianjurkan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC). Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) dan telah diterima oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abdul Rahim.

MPKL komited melaksanakan program Bandar Rendah Karbon ini bagi menyokong hasrat kerajaan dalam mencapai matlamat pengurangan intensiti pelepasan karbon monoksida dan juga menjadikan Kuala Langat sebagai bandar raya yang indah bertaraf antarabangsa, harmoni dan bestari.





PENYERAHAN BANTUAN BAKUL MAKANAN KEPADA PEMANDU TEKSI DAN BAS

Pada 8 April 2021, Program Penyerahan Bantuan Bakul Makanan Kepada Pemandu Teksi dan Bas telah diadakan di Dewan Seri Jugra. Program ini disempurnakan oleh Y.B Puan Rodziah binti Ismail, Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Selangor bersama Yang Dipertua MPKL, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abdul Rahim dan Timbalan Yang Dipertua Tuan Mohd Azrul bin Hashim.

MPKL berharap inisiatif Bantuan Bakul Makanan ini dapat membantu meringankan beban rakyat dan golongan yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan impak pandemik COVID-19 yang masih belum reda.

MAJLIS PERASMIAN NAIK TARAF BANGUNAN PASAR AWAM BANTING

Pada 11 April 2021, Majlis Perasmian Naik Taraf Bangunan Pasar Awam Banting telah diadakan dengan kehadiran Y.B. Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru. Turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Ybhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim dan Timbalan Yang Dipertua, Tuan Mohd Azrul bin Hashim. Kerajaan Negeri sangat menitikberatkan keselesaan dan kemudahan rakyat dan sentiasa merangka pelbagai strategi bagi membantu peniaga kecil dalam menjalankan aktiviti perniagaan di ruang niaga yang lebih moden dan komprehensif.





LAWATAN RASMI YBM DATUK HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN KE MPKL

Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin melakukan lawatan kerja rasmi ke Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) pada 15 April 2021. Taklimat diberikan oleh pihak MPKL sangat mengagumkan berkenaan pembangunan dan kemajuan Kuala Langat.

Untuk rekod, MPKL telah mencatatkan pelaburan tertinggi di Selangor pada tahun 2020 iaitu berjumlah RM 5.7 billion. MPKL berharap KPKT akan memastikan segala keperluan bagi kesinambungan pembangunan Kuala Langat.

Turut hadir dalam majlis ini adalah YB Dato' Dr Xavier Jayakumar Ahli Parlimen Kuala Langat serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim





KEBAKARAN GERAI PANTAI MORIB

Pada 3 Mei 2021, Sebanyak 15 buah kedai musnah dalam kebakaran dipercayai akibat litar pintas dalam kejadian di Pantai Morib, Banting di sini petang tadi. Seramai 16 anggota termasuk pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting dan Telok Panglima Garang terlibat dalam operasi pemadaman selama dua jam itu.

Keseluruhan kerosakan melibatkan 60 peratus deretan kedai meliputi bumbung, barangan elektrik seperti peti ais, mesin air tebu dan peralatan dapur. Bagaimanapun, kebakaran itu tidak melibatkan sebarang kemalangan jiwa. Punca kebakaran tidak kemungkinan berpunca dari litar pintas,"





SELAMAT
KE
DATANG
SMS BANTING

JELAJAH RAMADAN YAB DATO MENTERI BESAR SELANGOR

Pada 28 April 2021, Jelajah Ramadan YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor telah diadakan di sekitar Kuala Langat. Dato' Menteri Besar menyampaikan bantuan sejumlah RM155,000 kepada 33 masjid di daerah ini. Sumbangan disalurkan menerusi anak syarikat Kerajaan Negeri, Permodalan Nasional Selangor Berhad (PNSB).

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari berharap inisiatif itu menampung kekurangan dana susulan penutupan serta pengurangan bilangan jemaah sejak perebakan Covid-19. Beliau kemudian menghadiri Majlis Penyampaian Watikah Ketua Kampung dan Majlis Berbuka Puasa di Dewan Jubli Emas Kampung Endah. Tambah beliau semua masjid di negeri ini menerima sumbangan antara RM5,000 hingga RM10,000.







OPERASI TINDAKAN KENDERAAN BERAT DALAM TAMAN

Pada 11 Mei 2021, operasi tindakan kenderaan berat telah dilancarkan di Pangsapuri Sungai Emas Banting. Sepanjang 3 hari operasi ini dijalankan, sebanyak 3 notis kesalahan notis di bawah Seksyen 115, Akta Pengangkutan Jalan 1987 kepada pemilik kenderaan yang enggan mematuhi undang-undang ditetapkan. Antara kesalahan yang banyak dilakukan pemandu tidak bertanggungjawab ini adalah meletakkan kenderaan berat seperti bas dan lori di kawasan taman perumahan serta bahu jalan.



OPERASI BERSAMA JABATAN DALAMAN

Pada 3 April hingga 13 April 2021, Operasi Binaan Haram bersama Jabatan Dalaman MPKL telah dijalankan di Tanjung Sepat, Bandar Mahkota Banting dan Bandar Rimbau dan melibatkan Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Penguatkuasaan MPKL. "Seal" dan notis kesalahan dikeluarkan jika didapati bersalah membina binaan haram dan halangan atau gangguan binaan.



KERJA-KERJA SANITASI MPKL DI UNIT PELAN PEJABAT DAERAH TANAH KUALA LANGAT

Pada 19 Mei 2021, Kerja-kerja sanitasi di Unit Pelan, Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat telah dijalankan dengan kekuatan seramai 5 orang petugas dari MPKL. Diharap dengan usaha ini dapat mengurangkan risiko dan meningkatkan keyakinan orang awam untuk berurusan di Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat.



OPERASI SANITASI JABATAN BOMBA & PENYELAMAT

Pada 29 Mei 2021, Kerja-kerja sanitasi telah dijalankan di sekitar Kuala Langat. Operasi ini di anggotai dengan kekuatan 20 orang petugas daripada Jabatan Bomba dan MPKL Kerja-kerja Sanitasi ini bertujuan untuk mengurangkan risiko keberjangkitan wabak COVID-19 disekitar Ibu Pejabat MPKL kerana kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai dalam pelbagai urusan.





OPERASI SANTASI AWAM DI SEKOLAH MENENGAH SAINS BANTING

Pada 15 April 2021, Operasi sanitasi awam di Sekolah Menengah Sains Banting telah dilancarkan berikutan kes penularan COVID-19 yang melibatkan pelajar di situ. Sekolah diarah tutup oleh Pejabat Kesihatan Kuala Langat bagi memberi laluan pengesanan aktif dan operasi sanitasi susulan kes COVID-19





OPERASI MENYITA GEGANTUNG HARAM

Pada 1 hingga 31 Mei 2021, Operasi Menyita Gegantung Haram telah dijalankan di sekitar Kuala Langat telah menyita sebanyak 4800 gegantung haram. Jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan dibawah kesalahan UUK7, UUK/Iklan kerana mempamerkan iklan gegantung tanpa lesen daripada MPKL.



OPERASI PEMATUHAN SOP

Pada 1 Jun 2021, Operasi pematuhan SOP telah dijalankan sekitar Kuala Langat melibatkan MPKL dan PDRM Kuala Langat. Tindakan tegas tanpa kompromi akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar SOP serta arahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta 342 dan akta-akta sedia ada yang lain.

PROGRAM/AKTIVITI MPP



1 APRIL 2021
Serahan Baja di MPKK
Permatang Pasir



16 APRIL 2021 - MPP ZON 4
Bantuan Khas COVID-19
Kepada Komuniti
India



18 APRIL 2021 - MPP ZON 4
Jamuan Mesra Dengan
Ahli-Ahli Cawangan
DAP Bandar Baru
Teluk Panglima Garang



18 APRIL 2021 - MPP ZON 1
Sumbangan Pampers
Dan Ayam Segar



1 MEI 2021 - MPP ZON 1
Program Tadarus &
Khatam Perdana



8 MEI 2021
Penyerahan Coklat
untuk Warga Masjid

PROGRAM/AKTIVITI MPP



5 MEI 2021 - MPP ZON 4
Pengagihan Sampul
Duit Raya Kepada
Peniaga-Peniaga
Bazar Ramadhan



10 MEI 2021 - MPP ZON 24
Sumbangan Ihya
Ramadhan



11 MEI 2021 - MPP ZON 24
Swab Test PCR
Komuniti Anjuran
Jawatankuasa
Anti COVID



27 JUN 2021 - MPP ZON 1
Program Hadiah
Kecemerlangan
SPM STAM 2020



30 JUN 2021
Bantuan Bakul
Makanan Covid-19

AKTIVITI SKUAD PANTAS MPKL



5 April 2021
Pokok Tumbang
Di Jalan Bukit Jugra



8 April 2021
Pokok Tumbang
Di Taman Seri Jugra



3 Mei 2021
Pokok Tumbang
Di Banting



21 Mei 2021
Pokok Tumbang
Di TKampung Sawah



21 Jun 2021
Pokok Tumbang
Di Taman Gembira

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
Majlis Perbandaran Kuala Langat
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304
E-mel : admin@mpkl.gov.my , aduan@mpkl.gov.my
Laman Sesawang : www.mpkl.gov.my